

SURAT SETUJU TERIMA

MPC.100-14/1/23

21 Mac 2022

DBQ AUNA SDN. BHD.

Lot 870, (Sublot 151 of Parent Lot 714)

Blok 8, Muara Tebas Land District

Jalan Bako, 93050 Kuching, Sarawak

(U/P: Pn. Juzihaspiza bt Syed Zainal Abidin)

Puan,

PELANTIKAN PEMBEKAL BAGI KONTRAK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANSKAP DAN PEMOTONGAN RUMPUT DI KOMPLEKS MPC WILAYAH SARAWAK BAGI TEMPOH 24 BULAN (2 TAHUN).

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju melantik DBQ AUNA SDN. BHD. bagi melaksanakan Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap dan Pemotongan Rumput di Kompleks MPC Wilayah Sarawak bagi Tempoh 24 Bulan (2 Tahun) dengan nilai kontrak sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus Sebelas Ribu dan Dua Ratus sahaja (RM 211, 200.00).**

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat puan. Jadual di bawah adalah jadual pembayaran sebagai rujukan:

JADUAL PEMBAYARAN:

BIL.	PEROLEHAN	TEMPOH	KADAR SEBULAN	JUMLAH KESELURUHAN
1.	KONTRAK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANSKAP DAN PEMOTONGAN RUMPUT DI KOMPLEKS MPC WILAYAH SARAWAK BAGI TEMPOH 24 BULAN (2 TAHUN). (1 APRIL 2022 – 31 MAC 2024)	24 BULAN	RM 8,800.00	RM 211,200.00

3. Satu kontrak rasmi akan disempurnakan oleh pihak puan dengan memasukkan terma-terma sebut harga. Pihak puan haruslah memberikan **dua salinan asal yang dimatikan setem kepada pihak MPC.** Tempoh perkhidmatan bermula pada **1 April 2022 sehingga 31 Mac 2024.** Apa-apa kegagalan dalam memenuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh 120 hari (4 bulan) dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat puan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal.

4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen berikut:

(a) suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit Malaysia **Dua Ribu Enam Ratus dan Empat Puluh sahaja (RM 2,640.00)**.

seperti yang ditetapkan dalam Lampiran A tidak melebihi 14 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan 4 ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat puan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Pihak puan juga dikehendaki membekalkan perkhidmatan seperti yang telah dinyatakan di dalam spesifikasi teknikal sebut harga. Sekiranya syarikat puan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD).

6. Syarikat puan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- a. Syarikat puan gagal mematuhi terma di perenggan 3 dan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b. Syarikat puan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- c. Syarikat puan telah membuat salah nyataan (misrepresentation) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- d. Syarikat puan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- e. Syarikat puan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- f. Syarikat puan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;
- g. Syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di Lampiran A;
- h. Syarikat puan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen sebut harga;

- i. Syarikat puan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
 - j. Syarikat puan digulungkan;
 - k. Syarikat puan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
 - l. Syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau Service Level Agreement;
 - m. Syarikat puan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa;atau
 - n. Terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.
7. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 6, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat puan termasuk kerugian masa hadapan.
8. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di Lampiran B dan Lampiran C untuk ditandatangani oleh syarikat puan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.
9. Surat ini dihantar kepada syarikat puan dalam tiga (3) salinan. **Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua** berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat puan dan saksi syarikat puan tidak melebihi 7 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat puan.


Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MPC.100-14/1/23 bertarikh 1 / 4 / 2022 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung Surat ini telah dikenakan.


Tandatangan Pembekal
Nama Penuh: ~~SH. JUZHA SP12A~~ **SYED ZAINAL ABIDIN**
No. Kad Pengenalan: ~~820512-13-5544~~
Alamat: **DBQ AUNA SDN. BHD.**
(1106782-M)
Survey Lot 870 (Sublot 151 of Parent Lot 714)
Blok 8, Muara Tebas Land District
Jalan Bako, 93050 Kuching, Sarawak.
Email: dbq.auna.sdn.bhd@gmail.com
Tarikh: 7.4.2022


Tandatangan Saksi
Nama Penuh: ~~SHARIFAH~~ **SHARIFAH NURULSA BT WAN ADENAN**
No. Kad Pengenalan: ~~811228-52-5430~~
Alamat: **DBQ AUNA SDN. BHD.**
(1106782-M)
Survey Lot 870 (Sublot 151 of Parent Lot 714)
Blok 8, Muara Tebas Land District
Jalan Bako, 93050 Kuching, Sarawak.
Email: dbq.auna.sdn.bhd@gmail.com
Tarikh: 07.04.2022

Meterai atau Cop Perunding



Tarikh:

**potong mana yang tidak berkenaan*

**KONTRAK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANSKAP DAN
PEMOTONGAN RUMPUT DI KOMPLEKS MPC WILAYAH SARAWAK BAGI
TEMPOH 24 BULAN (2 TAHUN)**

1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)

1.1 No. Pendaftaran : 1106782 - M

1.2 Tempoh Sah Laku : -

2. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)

2.1 No. Pendaftaran : 357 - 3000026322

2.2 Tempoh Sah Laku : 20.10.2021 - 19.10.2022

2.3 Kod Bidang : 221002

2.4 Taraf Syarikat : Bumiputera

2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : 20.10.2021 - 19.10.2022

3. Harga dan Tempoh Kontrak

3.1 Harga Kontrak : RM 211,200.00

3.2 Tempoh Kontrak : 24 bulan

3.3 Tarikh Mula Kontrak : 1 April 2022

3.4 Tarikh Akhir Kontrak : 31 Mac 2024

Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan

*Senara item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

**Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC*

4. Bon Pelaksanaan

(*diisi oleh MPC)

4.1 Kadar Bon Pelaksanaan : 2.5% (berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM 105,600.00)

4.2 Formula Bon Pelaksanaan : RM 105,600.00 x 2.5 %

4.3 Nilai Bon Pelaksanaan : RM 2,640.00

4.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful

4.5 Tempoh Sah Laku : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian

5. **Kenaan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD)**
(Lewat/Gagal bekal barang atau tidak menepati spesifikasi)

Bon Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD - *Liquidated Ascertained Damages*) dikenakan ke atas Penyebutharga yang dilantik apabila berlakunya perkara – perkara berikut:

1. Gagal menepati tarikh penyerahan akhir atau penghantaran Barangan/Perkhidmatan/Kerja yang telah dipersetujui di dalam perjanjian.
2. Kelewatan/ kegagalan menepati tarikh serahan akhir atau penghantaran Barangan/Perkhidmatan/Kerja yang ditetapkan adalah disebabkan oleh kecuaiian dari pihak Pembida yang dilantik.
3. Rumusan LAD (*Liquidated Ascertained Damages*) berdasarkan jumlah hari lewat adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Nilai Kontrak (T + D)}}{T} \times \text{BFR (Purata: 5\%)}$$

T: Tempoh dari tarikh dipersetujui mula Kerja/Perkhidmatan/Pembekalan sehingga tarikh penyerahan.

D: Tempoh Hari Lewat

4. Kelewatan disebabkan berlakunya perubahan kerja (EOT - *Extension Of Time*) dan mendapat arahan dari MPC adalah berkecuali dari dikenakan LAD.

Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan dengan menggunakan formula berikut:

Formula : $(\text{BLR} + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$

LAMPIRAN A2

BIL.	PEROLEHAN	TEMPOH	KADAR SEBULAN	JUMLAH KESELURUHAN
1.	KONTRAK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANSKAP DAN PEMOTONGAN RUMPUT DI KOMPLEKS MPC WILAYAH SARAWAK BAGI TEMPOH 24 BULAN (2 TAHUN). (1 APRIL 2022 – 31 MAC 2024)	24 BULAN	RM 8,800.00	RM 211,200.00

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

**KONTRAK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANSKAP DAN
PEMOTONGAN RUMPUT DI KOMPLEKS MPC WILAYAH SARAWAK BAGI
TEMPOH 24 BULAN (2 TAHUN)**


Saya, **SH. JUZIHASPIZA BT SYED ZAINAL ABIDIN** nombor K.P. **820512-13-5544** yang mewakili **DBB AUNA SDN BHD** (nama syarikat) nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) **1106782-M** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MPC WILAYAH SARAWAK** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam *sebut harga/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam(nama kementerian/agensi).....atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *sebut harga/tender di atas;atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,




(Nama dan No. KP) Cop Syarikat :

SH JUZIHASPIZA BT SYED ZAINAL ABIDIN
PENGARAH URUSAN

Catatan:

820512-13-5544

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya SH. JUZI HASPIZA BT SYED ZAINAL ABIDIN nombor kad pengenalan 820512-13-5544 yang mewakili syarikat DBQ AUNA SDN BHD nombor pendaftaran 1106782-M (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- syarikat **TIDAK** digulungkan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan diatas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan
sebenar-benarnya diakui oleh

Sh. Juzi Haspiza binti Syed Zainal Abidin Tandatangan.....

di Kuching
pada 8 April 2022



Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

Catatan:

- *Potong mana yang tidak berkenaan.
- Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

